

Dalam Negeri

Kampung Baru: Pindah penduduk perlu teratur

Oleh **ASLINDA NASIR**

Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perancangan perpindahan penduduk Kampung Bharu, di sini bagi tujuan pembangunan perlu dilakukan dengan lebih teratur.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Kampung Baru, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, ia mengambil kira lokasi penempatan sementara yang perlu disediakan sebagai kemudahan kepada mereka.

“Majoriti tuan tanah minta mahu buat pembangunan. Tetapi apabila mahu buat, kena pastikan tidak terkeluar dari Kampung Baru. Jadi, mana-mana pemaju yang datang nak buat pembangunan di sesuatu kawasan, mereka perlu selesaikan masalah penduduk. Mana nak tinggal, sementara nak tunggu pembangunan ini siap.

“Kalau saya pemaju, nak bagi duit tak cukup, macam mana nak pindah sementara?” soalnya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Kampung Baru anjuran Perbadanan Pembangunan Kampung Baru (PKB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Cawangan Titiwangsa, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Titiwangsa



JOHARI Abdul Ghani (tengah) beramah mesra dengan pengunjung sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 Perbadanan Pembangunan Kampung Baru di Kampung Baru, Kuala Lumpur, semalam.

- MINGGUAN/AFIQ RAZALI

dan Yayasan Bena Nusa.

Turut hadir Timbalan Menteri Wilayah, Datuk Seri Jalaluddin Alias.

Hampir 4,000 pengunjung semua lapisan masyarakat menghadiri majlis itu yang bermula

pukul 11 pagi hingga 2 petang.

Sementara itu, Johari berkata, beliau menggunakan kesempatan hari terbuka Aidilfitri berkenaan untuk bertemu dengan masyarakat khususnya dalam Parlimen Titiwangsa.

“Saya buat bersama empat pihak untuk memanggil semua penduduk berkumpul khususnya di Parlimen Titiwangsa. Kita panggil semua masyarakat, kita guna kawasan lapang ini untuk jumpa orang,” katanya.